

Spektrum @ PSN

Apa yang menarik bulan ini?

Festival 'Mai, Main Mainan Meriah, Dapat Sambutan Pengunjung

1



Desa Waterpark Jadi Lokasi Hari Keluarga PSN 2013

2

Perkampungan Sains di Sabah Beri Peluang Pelajar Terokai Sains

2

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran

4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401

W : www.psn.gov.my

Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)

FESTIVAL 'MAI, MAIN MAINAN' MERIAH, DAPAT SAMBUTAN PENGUNJUNG

Pusat Sains Negara: Festival Sains yang berlangsung pada 2 hingga 5 November 2013 di Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara, telah mendapat sambutan cukup meriah dengan kehadiran ramai pengunjung yang tidak melepaskan peluang menyertai pelbagai aktiviti.

Program yang bertemakan 'Mai, Main Mainan' ini dirangka khas untuk setiap peringkat usia dalam usaha menyediakan pembelajaran sains secara tidak formal kepada masyarakat.

Pelbagai aktiviti telah ditawarkan dalam acara 4 hari itu, sekaligus dapat memupuk minat masyarakat terhadap sains dan teknologi. Antara aktiviti yang mendapat sambutan pengunjung ialah *giant bubbles*, *potato gun*, reka dan lumba, *hula hoop*, *puzzle mania* serta penampilan istimewa robot PSN1 iaitu ikon drama Planet Kiara.

Penganjuran program ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada pengunjung untuk mengaplikasikan ilmu sains dalam kehidupan seharian selain mempromosikan pusat sains ini kepada orang ramai.



DESA WATERPARK JADI LOKASI HARI KELUARGA PSN 2013

Kelab 3K PSN telah menganjurkan sambutan Hari Keluarga PSN pada 20 Oktober 2013 bertempat di Desa Waterpark, Kuala Lumpur.

Untuk sambutan pada tahun ini, pelbagai aktiviti telah disediakan kepada semua kakitangan PSN yang hadir bersama keluarga masing-masing. Antaranya ialah sukan-sukan seperti waiter race, head to head, wet LRT express dan fire bridget. Di samping itu, turut diadakan sesi cabutan bertuah.

Acara tahunan anjuran Kelab 3K ini diadakan bertujuan memupuk semangat kerjasama antara kakitangan PSN. Selain itu, program ini juga dapat mengerakkan hubungan kekeluargaan serta menjadi ruang untuk semua kakitangan bercuti sambil berhibur.

Diharapkan acara seperti ini dapat dianjurkan lagi untuk tahun-tahun akan datang dengan pelbagai lagi lokasi lain serta aktiviti yang lebih menarik.



PERKAMPUNGAN SAINS PSN DI SABAH BERI PELUANG PELAJAR TEROKAI SAINS

Unit Jangkau Luar PSN yang diketuai oleh En. Shahzari Hussin telah berjaya menganjurkan Program Perkampungan Sains bertempat di Kem Bina Negara, Kundasang, Sabah. Program ini berlangsung selama 4 hari iaitu dari 31 Oktober sehingga 3 November 2013.

Seramai lebih kurang 100 orang pelajar dari seluruh negeri Sabah telah terpilih menyertai Perkampungan Sains ini. Mereka merupakan pelajar yang bertuah kerana bukan semua pelajar berpeluang untuk turut serta dalam program sebegini. PSN juga telah bekerjasama dengan beberapa agensi lain untuk menjayakan semua aktiviti sepanjang penganjuran program ini.

Antara aktiviti yang diadakan ialah bengkel sains, treasure hunt, dan juga demonstrasi sains. Aktiviti-aktiviti ini dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai PSN. Tujuan utama penganjurannya adalah untuk memberi peluang kepada pelajar di luar bandar menerokai bidang sains dan menanam minat mereka dalam bidang tersebut.

Penganjuran program ini akan diteruskan di lokasi lain yang bertempat di Taman Pertanian Sekayu, Terengganu pada 22 hingga 25 November 2013.

SANA-SINI PSN

WORLD INNOVATION FORUM KUALA LUMPUR 2013 (WIFKL 2013)

12-14 November 2013
KLCC, Kuala Lumpur




PENAMPILAN ISTIMEWA ROBOT PSN DI FESTIVAL 'MAI, MAIN MAINAN' PSN CAWANGAN UTARA 2013

2-5 November 2013
PSN Cawangan Utara
Alor Setar, Kedah

(PROGRAM OUTREACH) PROGRAM SAYA SUKA SAINS

28-31 Oktober 2013
Sek. Keb. Paya Rumput,
Melaka



INFO SAINS

TAHUKAH ANDA?

Tikus membiak dengan pantas

sehingga dalam tempoh lebih kurang 18 bulan,

2 ekor tikus boleh menghasilkan

lebih 1 juta saudara mara.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

**PAMERAN
1001 INVENTIONS**

31 Ogos 2013 - 28 Februari 2014
 Pusat Sains Negara
 Kuala Lumpur

**PAMERAN
'SCIENCE OF FEAR'**


Akan datang
 Pusat Sains Negara
 Kuala Lumpur

FESTIVAL SAINS 2013

30 November - 8 Disember 2013
 Pusat Sains Negara
 Kuala Lumpur

PSN CHARITY WALK 2013

14 Disember 2013
 Pusat Sains Negara
 Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI**1001 INVENTIONS & AWESOME FACTS
FROM MUSLIM CIVILIZATIONS**

1001 Inventions & Awesome Facts From Muslim Civilizations merupakan sebuah buku yang diterbitkan oleh 1001 Inventions dan National Geographic. Buku ini dipenuhi dengan 1001 fakta menarik mengenai zaman kegemilangan Tamadun Islam. Di samping itu, buku ini juga dipenuhi dengan 400 gambar serta ilustrasi menarik bagi setiap fakta yang dipaparkan.

★ COUPLE SWINGS ★**FUNGSI**

Buaian kembar ini menunjukkan demonstrasi bandul. Ayunan anda akan disertakan melalui sepasang kabel ke buaian lain. Jadi, apabila anda memberi sokongan dan menggerakkan buaian tersebut, gerakan anda (tenaga) akan dipindahkan melalui kabel kepada bandul lain yang mengakibatkan buaian di hadapan turut bergerak.